

PM: Persamaan nilai perlu dijadikan asas

BH 14 SEP 1987

KUALA LUMPUR, Ahad — Masyarakat pelbagai kaum di negara ini perlu menjadikan persamaan nilai-nilai hidup mereka sebagai asas mewujudkan semangat kejiranan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, ada golongan yang tidak berminat mengadakan hubungan dengan jiran-jiran mereka semata-mata kerana perbezaan adat dan agama, sedangkan pada umumnya mereka sedar perpaduan itu penting.

"Kita mesti mengatasi kelemahan ini. Sungguhpun ada perbezaan di segi agama dan adat, saya fikir kita masih mempunyai banyak persamaan nilai-nilai hidup," katanya ketika melancarkan Papan Tanda Kejiranan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Public Bank Berhad di Bandar Tun Razak di sini, hari ini.

Oleh itu, katanya, persamaan nilai itu perlu digunakan untuk memupuk semangat kejiranan bagi sesebuah negara yang rakyatnya pelbagai kaum, kerana hubungan masyarakat dalam negara seperti itu sering menghadapi masalah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, usaha memupuk semangat kejiranan perlu ditumpukan kepada kanak-kanak kerana ka-

nak-kanak dilahirkan tanpa perasaan prasangka atau perkauman. Mereka mempunyai semangat ingin bersahabat dengan sesiapa sahaja.

"Jika semangat perpaduan dan persahabatan didedahkan kepada kanak-kanak, sudah tentu apabila dewasa nanti, mereka lebih mudah memahami pantang larang dan nilai-nilai hidup masyarakat-masyarakat di negara ini," tegasnya.

Beliau berkata, kanak-kanak lebih mudah menyesuaikan diri dalam masyarakat dan tahu apa yang boleh dibuat atau tidak boleh 'disentuh'.

Semangat

Perdana Menteri berkata, kerajaan memandang berat masalah hubungan antara jiran di bandar-bandar kerana pada keseluruhannya, didapati tidak baik. Malah kadangkala didapati masyarakat tidak ambil peduli nasib jiran mereka.

Katanya, usaha kerajaan meningkatkan semangat kejiranan di kalangan masyarakat tidak begitu berjaya kerana sambutan dingin masyarakat yang mungkin disebabkan mereka tidak memahami pentingnya semangat kejiranan.

Beliau juga mengingatkan pertubuhan awam supaya meningkatkan usaha memupuk semangat kejiranan.

"Saya sedar ada kawasan-kawasan, termasuk di Kuala Lumpur, yang hanya didiami oleh sesuatu bangsa. Oleh itu satu usaha perlu dijalankan untuk memupuk semangat kejiranan antara kawasan yang didiami oleh kaum-kaum yang berbeza," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masyarakat di bandar mesti menghidupkan semula pelbagai amalan masyarakat kampung untuk mengeratkan hubungan antara jiran.

"Di kampung wujud konsep gotong-royong yang menyatupadukan penduduknya. Oleh itu mereka saling mengenali antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, penduduk kampung akan saling bantu-membantu ketika mengadakan kenduri atau menguruskan kematian seolah-olah majlis yang diadakan itu ada urusan sesebuah kampung.

Perdana Menteri berkata, melalui konsep 'gotong royong' pula penduduk kampung bergilir-gilir mengerjakan sawah padi jiran-jiran mereka tanpa menerima upah dan usaha mereka itu dapat mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan keuntungan.

"Jelas bahawa sikap semangat kejiranan ini akan mewujudkan masyarakat yang lebih bahagia dan selamat," katanya.